

05/02/2000

MT disaran benar calon perkenal diri sebelum pemilihan

MELAKA, Jumaat - Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah akan mencadangkan kepada Majlis Tertinggi (MT) supaya memberi peluang kepada calon memperkenalkan diri masing-masing sebelum pemilihan pada perhimpunan agung parti itu Mei ini.

Beliau berkata, peluang harus diberi kepada calon bagi merebut kerusi MT, ahli Exco Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, terutama mereka yang kurang dikenali.

"Calon tidak perlu lagi berkempen ke negeri-negeri tetapi cukup sekadar menawarkan diri kerana orang kenal dan tahu latar belakang mereka," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Pengusaha Bas Melaka, di Hotel Grand Continental di sini, malam tadi.

Sulaiman berkata, pemilihan pucuk pimpinan parti Mei ini dijangka mengalami sedikit ketegangan kerana ramai yang hendak bertanding jawatan Naib Presiden dan MT.

"Saya percaya nasihat MT dapat diikuti semua bahagian dengan memastikan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak ditandingi," katanya.

Beliau berkata, perhimpunan agung Umno pernah tegang apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Presiden parti.

Katanya, keputusan pemilihan itu menyebabkan berlaku perpecahan dalam Umno sehingga tertubuhnya Parti Melayu Semangat 46 kerana ada ahli tidak berpuas hati.

"Saya takut kejadian seumpama itu akan berulang pula dalam pemilihan Mei ini," katanya.

Sulaiman berharap pertandingan bagi jawatan Naib Presiden dan MT kali ini hendaklah secara 'gentlemen' tanpa ada berpuak-puak.

Katanya, setiap calon hendaklah bertanding atas nama sendiri supaya perwakilan tidak berpecah-belah.

"Saya harap semua ahli mematuhi Kod Etika Pemilihan yang diluluskan oleh MT semalam, supaya dapat mengelak ketegangan," katanya.

Beliau berpendapat, kod itu amat baik kerana memberi peluang kepada perwakilan sendiri menentukan siapa yang hendak menjadi pemimpin serta layak dipilih tanpa dipengaruhi.

Sulaiman berkata, beliau sendiri akan mempertahankan jawatan Pengerusi Tetap Umno yang disandangnya sejak 1975.

"Badan saya masih sihat dan saya akan mempertahankan jawatan ini. Terpulang kepada perwakilan nanti," katanya.